



ARAHAN DAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN KAFETERIA DARUL QURAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tindakan dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh peniaga-peniaga di Kafeteria Darul Quran JAKIM dalam usaha menjalani norma baharu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

LATAR BELAKANG

1. Penularan wabak Coronavirus 2019 (COVID-19) telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat. Dalam usaha membendung wabak ini, Kerajaan Malaysia ("Kerajaan") telah mengisytiharkan PKP bermula pada 18 Mac 2020.
2. Setelah melalui beberapa fasa PKP, Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah banyak mengeluarkan garis panduan berkaitan urusan harian rakyat dengan mengambil kira langkah-langkah bagi mengawal penularan jangkitan penyakit COVID-19 dan norma baharu kehidupan.
3. Dalam usaha untuk memelihara kebajikan seluruh warga Darul Quran, beberapa tindakan perlu dilaksanakan bagi mengawal penularan COVID-19 dalam kalangan warga Darul Quran untuk memastikan persekitaran kampus yang selamat dan kondusif.
4. Justeru, Garis Panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan dan panduan kepada peniaga-peniaga di Kafeteria Darul Quran JAKIM dalam menjalani norma baharu bagi menguruskan aktiviti perniagaan premis makanan semasa tempoh PKP dilaksanakan.

PENGURUSAN NORMA BAHARU AKTIVITI PERNIAGAAN PREMIS MAKANAN

1. Para peniaga dinasihatkan untuk sentiasa menjaga kesejahteraan diri dengan mengamalkan tabiat kebersihan yang tinggi di samping mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh KKM, MKN dan pihak Darul Quran JAKIM dari masa ke masa.
2. Peniaga juga dikehendaki membiasakan diri dengan norma baharu dalam kampus seperti berikut:
 - 2.1 Melaksanakan **penjarakan sosial**
 - 2.2 **Tidak bersentuhan** dengan orang lain seperti bersalaman.
 - 2.3 Elakkan berada di tempat orang ramai dan sesak.
 - 2.4 Sebarang bentuk aktiviti atau urusan perlu dikawal dengan **mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dengan jarak yang dekat)**.
 - 2.5 **Diwajibkan memakai pelitup muka (*face mask*)** terutama apabila bergejala seperti batuk, selesema atau sakit tekak.
 - 2.6 **Kerap mencuci tangan** dengan menggunakan sabun / air atau *hand sanitizer* (digalakkan memiliki *hand sanitizer* sendiri).
 - 2.7 **Mengamalkan 3W (*Wash, Warn & Wear*)**
 - 2.8 Mematuhi dan menggunakan laluan pergerakan yang disediakan.
3. Peniaga digalakkan untuk menggunakan **Aplikasi MySejahtera** (dapatkan secara atas talian di *App Store* atau *Google Play Store*) bagi tujuan mendapatkan maklumat kesihatan berkaitan COVID-19 dan membantu Kerajaan dalam membendung penularan COVID-19.
4. Setiap peniaga **dikehendaki melakukan saringan gejala (pemeriksaan suhu badan) dan merekod kehadiran** dalam borang yang disediakan (seperti di **Lampiran A**) sebelum memulakan rutin harian. **Sekiranya bergejala, peniaga disaran untuk tidak hadir berniaga dan mendapatkan rawatan** di mana-mana hospital atau klinik berhampiran.

KAWALAN BILANGAN PELANGGAN DAN PENJARAKAN SOSIAL

1. Susun atur meja, dengan jarak **2 meter antara meja** bagi membolehkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter. Bagi Kafeteria yang menggunakan meja makan tetap (tidak alih), dikehendaki untuk memastikan kapasiti penggunaan meja berdasarkan penjarakan yang sesuai seperti yang ditetapkan.
2. Setiap meja di muatkan **tidak melebihi 2 orang semeja** atau **separuh** daripada kapasiti muat asal sesuatu meja. Pastikan setiap ruang yang tidak dibenarkan penggunaannya ditanda dengan **tanda palang (X)** menggunakan peralatan yang mudah dan jelas dilihat.
3. Setiap pelanggan **dikehendaki melakukan saringan gejala (pemeriksaan suhu badan) dan merekod kehadiran** dalam buku daftar yang disediakan sebelum memasuki Dewan Makan. **Sekiranya bergejala, pelanggan tidak dibenarkan sama sekali memasuki premis.**
4. Premis perlu menyatakan dengan jelas bilangan pelanggan yang dibenarkan pada satu-satu masa untuk memenuhi keperluan penjarakan sosial.
5. Menguruskan laluan masuk dan keluar pelanggan dengan menggunakan **satu laluan sahaja (sehala).**

WAKTU OPERASI

1. Waktu operasi umum adalah seperti berikut :

Waktu	Kenyataan
5.00 pagi hingga 12.00 malam	Waktu Kehadiran Peniaga dan Operasi
7.00 pagi hingga 10.00 malam	Waktu Kehadiran Pelanggan

2. Jadual beroperasi khas sepanjang PKP adalah seperti berikut :

Bil	Hari	Waktu Operasi	Kafeteria
1	Setiap Hari	7.00 pagi hingga 4.00 petang	1) As Permata 2) Nabila Baroqah 3) Fiesmatech
2	Setiap Hari	4.00 petang hingga 12.00 malam	1) Huzir Niaga
3	Isnin hingga Jumaat	7.00 pagi hingga 4.00 petang	1) Koop DQ

PEMBERSIHAN DAN SANITASI

1. Penggunaan peralatan makan *biodegradable* pakai-buang adalah **diwajibkan**. Peniaga hendaklah menggalakkan pelanggan supaya membuat pembelian secara bungkus dan makan diluar daripada premis perniagaan.
2. Memastikan peralatan memasak dalam keadaan bersih dan sentiasa mencuci menggunakan cecair pencuci dengan kandungan *sodium hypochlorite* mengikut garis panduan KKM.

TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Ia terpakai khusus dalam tempoh PKP untuk menangani penularan wabak COVID-19 yang berlaku pada masa ini bagi tempoh sehingga dimaklumkan negara bebas COVID-19 oleh Kerajaan.

PEMAKAIAN

Garis Panduan ini terpakai kepada semua peniaga dan pelanggan di Kafeteria Darul Quran JAKIM. Ia hendaklah dibaca bersama dengan Surat Setuju Terima Sewaan Tapak Kafeteria dan arahan-arahan lain yang berkuat kuasa.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Garis Panduan ini, bolehlah dirujuk kepada mana – mana pegawai Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia Darul Quran JAKIM.

Disediakan oleh :

UNIT PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA
PEJABAT PENDAFTAR
DARUL QURAN
JAKIM

1 Julai 2020

Hari : _____

Tarikh : _____

Bil.	Nama	No. Telefon	Suhu